

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



BIDANG KERJAYA: PILIHAN ANAK-ANAK ATAU IBUBAPA?

*Noor Azillah
Mohamad Ali,
Rozihanim Shekh
Zain & Syazliana
Kasim*

*Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan
& Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perlis*

Apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan maka kesibukan terserlah bukan sahaja kepada anak-anak tetapi ibubapa juga yang sama merancang ke mana agaknya anak-anak ini ingin menyambung pengajian. Bermacam-macam ekspo pengajian, hari terbuka institusi dilancarkan bagi memberi peluang kepada anak-anak mengetahui ke arah mana bidang yang mereka ingin terokai. Pelajar lepasan SPM ini rata-ratanya berumur 18 tahun, masih muda dan masih kurang jelas apa yang diinginkan. Di sini peranan ibubapa amatlah penting dalam memberi pandangan kepada anak-anak kerana anak-anak ini tidak jelas hala tujunya nanti.

Persoalannya apakah bidang yang wajar diceburi oleh anak-anak? Apakah perlu melihat trend peluang pekerjaan di masa hadapan ataupun hanya sekadar melihat kepada kelayakan anak-anak? Selepas tamatnya SPM adalah permulaan pada anak-anak untuk membina masa depan yang mencabar. Tetapi perlulah memilih dengan betul apa yang sesuai dengan karakter anak itu sendiri. Pada kebiasaannya pihak sekolah yang diwakili oleh unit kaunseling akan mendedahkan pelajar kepada ujian psikometrik. Ujian ini adalah satu alat yang digunakan bagi mengenali ciri-ciri personaliti, kebolehan, kecerdasan, kebolehan dan tingkah laku seseorang individu. Dengan ujian ini para pelajar akan mengetahui padanan kebolehan dan personaliti seseorang dengan kerjaya. Hasil dapatan ujian ini amat penting dalam memastikan apakah

bidang kerjaya dan program yang sesuai dengan personaliti mahupun kebolehan anak-anak.

Dapatan yang diperolehi daripada ujian tersebut dapat membantu dalam pemilihan program yang bersesuaian selain daripada faktor kelayakan untuk memohon program tersebut. Kelayakan dan minat adalah perkara yang berbeza. Di mana jika hanya berdasarkan kelayakan tetapi minat tiada atau minat sahaja tanpa kelayakan ia tidak akan memudahkan pilihan bidang yang tepat. Ada ketikanya biasiswa mahupun tajaan untuk satu-satu bidang juga menjadikan faktor dalam pemilihan bidang yang bakal diceburi. Biasiswa mahupun bantuan pendidikan adakalanya agak terhad kepada bidang-bidang kritikal sahaja. Ini juga salah satu faktor penyumbang kepada asas pemilihan program yang akan dipilih. Doktor, jurutera, akauntan antara kerjaya yang selalunya menjadi idaman setiap ibubapa. Ada ketikanya ibubapa yang menetapkan apa bidang yang perlu di ceburi oleh anak-anak. Ada ketikanya bidang yang diceburi oleh anak-anak atas dasar biasiswa yang ditawarkan. Faktor kewangan yang menyebabkan program tersebut perlu dipilih walaupun minat anak-anak tiada langsung. Disebabkan kewangan masa depan anak-anak digadaikan. Dengan alasan, sudah dapat biasiswa maka sambung sahaja belajar tanpa memikirkan apa yang sebenarnya yang anak berminat. Kesilapan begini perlu dielakkan kerana kesannya amat besar terhadap masa depan anak-anak.



Sumber: www.utusan.com.my

Minat ibubapa terhadap program yang ditawarkan menjadi penyebab sesuatu program pengajian dipilih. Dengan andai ibubapa bahawa program ini bakal menjamin pekerjaan nanti apabila tamat pengajian kelak. Jaminan untuk mendapat perkerjaan itu bukan bergantung semata-mata pada program yang dipelajari tetapi semuanya bergantung kepada ketentuannya. Sebagai ibubapa kita sewajarnya memberikan peluang kepada anak-anak untuk memilih bidang apa yang hendak diceburi. Ibubapa hanyalah sebagai pendengar setia atau penasihat sahaja, dan bukannya pembuat keputusan. Berikan peluang untuk anak-anak memilih apa jua yang mereka inginkan dan sebagai ibubapa hendaklah menyokong dan terus berdoa demi kejayaan anak-anak. Ketika ini bukanlah zaman untuk pembuat dasar arah tujuan anak-anak tetapi ibubapa sebagai penyokong dalam membuat pemilihan. Seperti mana kita sedia maklum kos pengajian bagi satu-satu program berbeza maka janganlah disebabkan biasiswa dan minat ibubapa terhadap program tersebut, maka pendapat suara anak tidak didengari.

Andaikata pemilihan bidang ini atas disebabkan desakan ibubapa serta tawaran biasiswa yang diperolehi, ini sebenarnya akan memberi tamparan besar kepada anak itu sendiri. Anak-anak akan melepaskan kemarahan mahupun tekanan ketika mereka belajar kelak dan mereka menyambung pelajaran hanya sebagai memuaskan hati ibubapa sahaja. Ada kes dimana anak mengalami despresia akibat dari tekanan belajar sesuatu yang bukan minat mereka. Ada pelajar yang akan memberontak dalam diam sepanjang pengajian dan ada juga pelajar yang menamatkan pengajian dengan jayanya tetapi jiwa untuk bekerja dalam bidang pengajian tidak dilaksanakan. Ini kesan daripada pilihan bidang yang ditentukan oleh ibubapa yang terlalu taksab untuk anak mereka mengambil bidang pengajian yang ditawarkan disebabkan tawaran

biasiswa. Biar tidak berminat pada program asal tetapi anaknya dapat biasiswa tajaan badan-badan professional. Perkara begini perlulah dibendung kerana yang akan bekerja di masa hadapan adalah anak-anak kita maka biarlah anak-anak ini menentukan laluan kerjaya yang mereka inginkan.

Zaman telah berubah di mana ketika ini anak-anak semakin matang dalam mencorak kehidupan mereka nanti. Janganlah masih ditakuk lama dengan kenyataan ini “esok habis belajar senang nak dapat kerja” atau “bila habis pengajian nanti senang nak masuk kerja kerajaan” ayat-ayat ini sering meniti dibibir ibubapa. Pasaran kerja dahulu dan sekarang jauh berbeza, maka pendekatan pemilihan bidang itu terpulang kepada anak itu sendiri. Berikanlah peluang untuk anak membuat keputusan mereka sendiri dan biarlah ibubapa hanya sebagai orang yang akan mereka rujuk untuk meminta nasihat sahaja. Mohon janganlah cuba untuk mengawal keputusan anak-anak jika bidang yang mereka inginkan bukannya bidang yang ibubapa idamkan. Berikan ruang dan peluang untuk anak-anak menjadi dewasa dalam menentukan apa yang mereka inginkan. Apa yang anak-anak perlukan ketika ini hanyalah doa dan restu daripada kedua-dua ibubapa. Semoga pilihan yang mereka buat adalah pilihan yang paling tepat berdasarkan minat dan kesungguhan yang mereka tunjukkan. Semoga berjaya dalam apa jua yang diceburi. Pilihan terbaik adalah pilihan anak-anak yang direstui dan diredhai oleh ibubapa. Sokonglah mereka sehingga pengajian mereka tamat.